

# PM arah pejabat tanah cegah kelulusan permohonan

KUALA LUMPUR 25 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan pejabat tanah seluruh negara melaksanakan satu mekanisme dan peraturan yang mempercepatkan permohonan bagi melaksanakan projek pembangunan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sememangnya mengharapkan pejabat tanah menjadilebih cekap dan pantas dalam menjayakan agenda pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)

"Saya telah mengarahkan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri memastikan permohonan yang dibuat kepada pejabat tanah terutamanya pejabat daerah dan kerajaan tempatan, mestilah dibuat dengan cepat dan tepat," kata beliau.

Beliau yang juga Presiden UMNO berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Menara Dato Onn, di sini hari ini.

Abdullah berkata, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri telah diberi penerangan terperinci mengenai peranan mereka bagi memastikan agenda RMK-9 berjalan lancar.

"Inilah yang kita harapkan dan Menteri Besar dan Ketua Menteri akan menjadi pelaksana utama bagi projek-projek yang diadakan di negeri masing-masing," katanya.

Tambah Perdana Menteri, UMNO akan terus memberi penerangan berkaitan pembangunan dan isu-isu semasa supaya ahli-ahli parti faham

apa yang berlaku dalam negara.

Dalam hal ini katanya, kefahaman ahli-ahli UMNO terhadap RMK-9 akan menimbulkan keyakinan untuk mereka menjayakan misi nasional tersebut.

"Kita (kerajaan) mahukan supaya ia (RMK-9) dilaksanakan bersungguh-sungguh dengan komitmen yang tinggi," tegas beliau.

Beliau percaya dengan menjayakan RMK-9 bermakna akan menjayakan misi nasional tahap pertama.

"Kerana apa yang akan kita lalui selepas ini ialah tahap kedua misi nasional iaitu Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dan ketiga ialah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11)," katanya.